



**PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ**  
**TARIKH: 13 JANUARI 2025 (ISNIN)**

**MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)**

| BIL | AKHBAR       | TAJUK                                                                                                                |
|-----|--------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | SINAR HARIAN | <ul style="list-style-type: none"><li>• PELBAGAI INISIATIF PBT GALAK MASYARAKAT SERTA PROGRAM KITAR SEMULA</li></ul> |
| 2.  | SELANGORKINI | <ul style="list-style-type: none"><li>• MBSJ, KDEBWM TAWAR KHIDMAT KUTIPAN SAMPAH PUKAL SECARA PERCUMA</li></ul>     |

**MEDIA CETAK (AKHBAR / MAJALAH)**

| BIL | AKHBAR       | TAJUK                                                                                                      |
|-----|--------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | THE STAR     | <ul style="list-style-type: none"><li>• SPRING CLEANING</li></ul>                                          |
| 2.  | SELANGORKINI | <ul style="list-style-type: none"><li>• BAIKI KEMUDAHAN ROSAK, TAMPIL PELANCONGAN SERI KEMBANGAN</li></ul> |

**LAIN-LAIN PBT**

| BIL | AKHBAR       | PBT                      | TAJUK                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
|-----|--------------|--------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | THE STAR     | MBPJ<br>MBDK<br>DBKL     | <ul style="list-style-type: none"><li>• SPRING CLEANING</li><li>• SUB-COMMITTEE TO ADDRESS COMMUNITY'S CONCERNS</li><li>• TIGHTENING GRIP ON PARKING IN KL</li></ul>                                                                                                                      |
| 2.  | SELANGORKINI | MBDK<br>MBSA<br><br>MPAJ | <ul style="list-style-type: none"><li>• TUMPU ATASI MASALAH SISTEM SALIRAN</li><li>• TANGANI KEGIATAN SAMPAH HARAM</li><li>• BINA DEWAN, NAIK TARAF STADIUM MINI RM27.1 JUTA TINGKAT KEMUDAHAN AWAM</li><li>• DAPAT SIJIL PATUH SYARIAH</li><li>• RM40,000 BANTU KEBUN KOMUNITI</li></ul> |
| 3.  | SINAR HARIAN | MBPJ<br>MBSA             | <ul style="list-style-type: none"><li>• MBPJ SITA EMPAT PREMIS TANPA LESEN</li><li>• SEMUA PEMILIK ANJING PERLU BERLESEN - MBDK</li></ul>                                                                                                                                                 |

**UMUM**

| BIL | AKHBAR          | TAJUK                                                                                                                                                                                                      |
|-----|-----------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | SELANGORKINI    | <ul style="list-style-type: none"><li>• PELAN LEMBAH KLANG RAYA SIAP DISEMBER</li><li>• KAJI GARIS PANDUAN ACARA HIBURAN</li><li>• TERTINGGI DALAM SEJARAH NEGERI RAIH PENDAPATAN RM2.858 BILION</li></ul> |
| 2.  | KOSMO           | <ul style="list-style-type: none"><li>• KERAJAAN TUMPU RANCAKKAN EKONOMI</li></ul>                                                                                                                         |
| 3.  | HARIAN METRO    | <ul style="list-style-type: none"><li>• KES LKP: TIGA TERMASUK DUA KAKITANGAN AGENSI KERAJAAN DIREMAN</li></ul>                                                                                            |
| 4.  | BERITA HARIAN   | <ul style="list-style-type: none"><li>• AGENSI KERAJAAN DISARAN BERI PROJEK KEPADA KONTRAKTOR G1</li></ul>                                                                                                 |
| 5.  | UTUSAN MALAYSIA | <ul style="list-style-type: none"><li>• PERMOHONAN KE SEKTOR AWAM DIJANGKA NAIK</li><li>• KETERJAMINAN ANTARA FAKTOR SEKTOR AWAM JADI PILIHAN</li></ul>                                                    |
| 6.  | THE SUN         | <ul style="list-style-type: none"><li>• GOVT URGED TO ADDRESS ANIMAL WELFARE CONCERNS</li></ul>                                                                                                            |

# Pelbagai inisiatif PBT galak masyarakat sertai program kitar semula

 **ADVERTORIAL MEDIA SELANGOR** [Follow](#)

12 Januari 2025 08:44pm  
Masa membaca: 3 minit



## MediaSelangor

**PENGURUSAN** sisa antara cabaran utama Selangor yang mempunyai lebih tujuh juta penduduk. Pada 2022, negeri merekodkan 7,000 tan pembuangan sampah sehari, tertinggi dalam negara.

Kerajaan negeri mewujudkan sistem pengurusan sisa bersepadu bertujuan mengurangkan sampah ke tapak pelupusan.

Dibentang pada Julai 2022, Rancangan Selangor Pertama (RS-1) menyasarkan 15 peratus kadar kitar semula sisa sebagai penunjuk kejayaan.

Bagi mencapai matlamat, semua pihak berkuasa tempatan (PBT) memperkenalkan program atau kemudahan kitar semula bagi menggalakkan kadar lebih tinggi. Kurang dua tahun RS-1 diumumkan, Selangor mencapai kadar kitar semula sisa 8.24 peratus.

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) merekodkan kutipan tertinggi antara PBT. Masing-masing mengutip lebih 200,000 tan dari 2021 hingga tahun lalu.

Bagi menggalakkan penglibatan masyarakat, MBSA misalnya mengagihkan baucar RM5 Speedmart kepada penduduk menukar kertas, tin, besi, pakaian dan yang berkaitan.

Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) yang mengutip lebih 2,000 tan barangan kitar semula pada tahun lalu bekerjasama dengan peniaga restoran, agensi kerajaan, institusi pendidikan dan KDEB Waste Management (KDEBWM).

Empat rumah sampah turut dinaik taraf menjadi pusat kitar semula, termasuk di Pasar Besar Jalan Meru, Jalan Makyong 5 Bukit Raja, Taman Camelia Bandar Putera dan Taman Klang Perdana.

**SINAR HARIAN ONLINE**  
**TARIKH: 13 JANUARI 2025**

# Pelbagai inisiatif PBT galak masyarakat sertai program kitar semula

ADVERTORIAL MEDIA SELANGOR Follow

12 Januari 2025 08:44pm  
Masa membaca: 3 minit



Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) yang berjaya meningkatkan kutipan barang kitar semula dari 3,000 tan kepada lebih 8,000 tan pada tahun ini menggunakan hab kitar semula sebagai tempat pengumpulan.

Terletak di Taman Tasik Chempaka, Bandar Baru Bangi, orang ramai mudah menghantar barangan tidak digunakan ke situ.

Sebanyak 4,228 tan barangan kitar semula pelbagai jenis dikutip Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) tahun 2023.

Sebanyak 1,917 tan diperoleh menerusi program kutipan pintu ke pintu di 85 kawasan. Program sejak 2020 membabitkan 54,500 unit kediaman dengan purata penyertaan penduduk 60.08 peratus.

## Tawar inisiatif

Tukar barang terpakai dapat keperluan dapur, itu inisiatif Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sehingga mereka mengutip 21,177.29 tan barangan bermula 2021 sehingga Mei tahun ini.

Majlis Perbandaran Selangor (MPS) mengutip lebih 16,000 tan (2021 hingga Jun 2024) sampah terpakai dan kumpulan pelajar sekolah menengah dan rendah antara kumpulan paling peka menyertai kempen kitar semula.

Perhubungan awam Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) memaklumkan media sosial seperti Facebook dan TikTok berperanan meningkatkan amalan kitar semula. Kutipan bertambah daripada 2,748.43 tan pada 2023 kepada 5,765.73 tan sehingga Jun tahun 2024.

Sejak 2021 sehingga kini, Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) merekodkan 4,383 tan barangan terpakai diikuti, 2,287.3 tan oleh Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) sejumlah 130.66 tan.

Pentadbiran negeri turut membina loji sisa kepada tenaga, sekali gus mengurangkan sisa ke pusat pelupusan.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, Selangor menumpukan kelestarian alam sekitar di samping meningkatkan tahap kesejahteraan sosial melalui pembangunan infrastruktur hijau dan pemuliharaan sumber asli.

"Pengurusan sisa dan kitar semula merupakan tugas yang mencabar untuk Selangor, khususnya dalam mengurangkan pembuangan sampah secara haram, meningkatkan kadar kitar semula. Namun untuk mencapai sasaran 15 peratus memerlukan usaha bersama terutama masyarakat," katanya.

**SINAR HARIAN ONLINE**  
**TARIKH: 13 JANUARI 2025**

PBT SELANGOR

# MBSJ, KDEBWM tawar khidmat kutipan sampah pukat secara percuma

by Siti Rohaizah Zainal 10 January 2025 9:15 am



Wajah baharu lori kompaktor KDEB Waste Management (KDEBWM) yang dilancarkan ketika majlis pelancaran lori pemampat dan imej korporat baharu KDEBWM di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Shah Alam pada 20 September 2023. Foto HAFIZ OTHMAN/SELANGORKINI

SHAH ALAM, 10 JAN: Majlis Banderaya Subang Jaya menyediakan perkhidmatan kutipan sampah pukat secara percuma bagi kawasan perumahan teres selama lapan hari bermula 20 Januari.

Jabatan korporat dan pengurusan strategiknya memaklumkan perkhidmatan dengan kerjasama KDEB Waste Management Sdn Bhd (KDEBWM) itu dilaksana sempena perayaan Tahun Baharu Cina.

"Perkhidmatan bermula 20 Januari di semua kawasan pentadbiran MBSJ. Kutipan sampah pukat ini hanya melibatkan kategori seperti tilam, perabot lama, dan seumpamanya.

"Namun ditegaskan sampah ubah suai rumah, pindah rumah, barangan elektrik serta barang kitar semula tidak termasuk di dalam perkhidmatan ini," katanya menerusi kenyataan hari ini.

Tambah pihak berkuasa tempatan itu, permohonan perkhidmatan kutipan sampah pukat boleh dibuat melalui KDEBWM di talian 03-80814437 atau aplikasi WhatsApp 011-35384437 bermula 13 Januari hingga 21 Januari.

Katanya, pemohon akan dihubungi KDEBWM bagi menetapkan tarikh pelaksanaan kutipan dan dikehendaki meletakkan sampah pukat masing-masing di hadapan rumah.




## PERHATIAN

### PERKHIDMATAN KUTIPAN SAMPAH PUKAT SECARA PERCUMA SEMPENA TAHUN BARU CINA 2025

**Tarikh permohonan:**  
13 Januari hingga 21 Januari 2025

**Tarikh Kutipan** 20 Januari hingga 28 Januari 2025  
oleh KDEB Waste Management Sdn. Bhd.



**Kategori sampah pukat**

Tilam, perabot lama dan seumpamanya.  
(Tidak termasuk sampah ubah suai rumah, pindah rumah, barangan elektrik dan barang kitar semula).

**KEUTAMAAN**

**Penduduk yang menyambut Tahun Baru Cina**

Saluran Permohonan : Melalui KDEB Waste Management Sdn. Bhd.  
**Hubungi :** 03-80814437 011-35384437

Hubungi talian di atas

KDEB hubungi pemohon untuk menetapkan tarikh kutipan

Pemohon meletakkan sampah pukat di hadapan rumah

KDEB melaksanakan kutipan mengikut maklumat

Majlis Banderaya Subang Jaya

ipcitycouncil

ipcitycouncil

ipcitycouncil

Majlisbandarayangsubangjaya

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 13 JANUARI 2025



## STAR METRO WATCH

### SPRING CLEANING

Petaling Jaya City Council (MBPJ) is offering bulk waste collection for Chinese New Year. Residents can leave bulk waste in front of their houses before 10am. The schedule is as follows:

> Jan 18 – PJU1 Kampung Cempaka, SS25 and BU11.

> Jan 19 – Section 9, Lorong Utara, BU12 and Section 5 (Sepah Puteri), Kota Damansara. For details, call 017-601 3963 (Asyraf) for PJU1; 011-3776 2497 (Raimy) for SS25; 012-959 5692 (Ajmal) for Section 9 and Lorong Utara.

Subang Jaya City Council (MBSJ) will accept applications for bulk waste collection in conjunction with Chinese New Year from today to Jan 21. The waste collection period is from Jan 20 to 28. To apply, call 03-8081 4437 or WhatsApp 011-3538 4437.

THE STAR

13 JAN 2025

Tarikh:.....

# Sub-committee to address community's concerns (MBDK)

By EDWARD RAJENDRA  
edward@thestar.com.my

A RESIDENTS Consultation sub-committee to proactively address community concerns has been set up in Klang, Selangor.

Klang Royal City Council (MBDK) said the initiative was aimed at enhancing communication between residents, councillors, and the city council's department heads while fostering a more responsive and efficient problem-solving process.

Klang mayor Datuk Abd Hamid Hussain said the sub-committee would comprise councillors and heads of department to collectively address "challenging" issues within neighbourhoods.

By bringing stakeholders and councillors together through open communication, he said MBDK could gain valuable insights into the needs of the community and implement effective solutions.

Abd Hamid said councillors were tasked with bringing resident concerns to the sub-committee monthly meetings.

While residents will not attend these meetings, he said they could channel their complaints and service requests to their respective councillors via WhatsApp.

"MBDK ratepayers can contact their designated councillor via WhatsApp to report any issues within their neighbourhood or express dissatisfaction with city council services.

"The contact numbers of all

## Klang council sets up platform for councillors to handle issues within neighbourhoods



MBDK councillor Lee Sek Wun discusses an issue at the Residents Consultation sub-committee meeting.

councillors are available on MBDK's official website."

Abd Hamid emphasised that councillors were primary representatives of their constituents, while the sub-committee would be a platform for councillors to address resident concerns.

"Understanding the challenges faced by the community and having the ability to take decisive action is paramount to fulfilling a councillor's responsibilities," he added.

Abd Hamid said the sub-committee would look into improving the quality of life within Klang neighbourhoods.

"By encouraging residents to use the WhatsApp channel for assistance, we aim to strengthen the relationship between the city council and ratepayers, promote transparent governance, and uphold the highest standards of public service," added Abd Hamid, who would chair the sub-committee.



Abd Hamid says councillors must empower residents to take part in decision-making processes.

"Councillors must actively listen to residents' concerns, engage with local non-governmental organisations, and consider their perspectives in the decision-making process."

Abd Hamid added that councillors must empower residents to participate in decision-making processes impacting their neighbourhoods.

This could include decisions on maintaining public spaces or improving recreational facilities like playgrounds.

At the inaugural sub-committee meeting, issues such as tree maintenance including removal of decaying trees were discussed.

The need for improved children's playground equipment in neighbourhoods was also highlighted.

THE STAR

Tarikh: 13 JAN 2025

# Tightening grip on parking in KL

City Hall engages new operators to streamline compliance, generate income

**YOUR  
RIGHT  
to know**

By BAVANI M  
bavanim@thestar.com.my

KUALA Lumpur is no longer a haven for those who have been able to avoid paying a fee for street parking.

With four new parking operators appointed to manage the city's 59,000 street parking bays, Kuala Lumpur City Hall (DBKL) is ramping up enforcement.

Areas where parking fee was not imposed for years are now under scrutiny as DBKL plans to enforce the law to its fullest.

This includes zoning in on motorists monopolising bays for extended periods, abandoning vehicles at parking spots or occupying them for commercial purposes.

Entrepreneurs trading from these bays as well as business owners placing tables and chairs on parking areas will not be spared.

Indicators of what is to come are evident in the numerous signboards and banners displayed across commercial, industrial, and residential areas in the city.

DBKL has given notice on this matter via its social media pages.

However, the most visible sign of enforcement is the presence of parking personnel wearing City Hall vests.

These personnel, appointed to monitor specific zones, use scanning devices as part of their operations.

Equipped with automatic number plate recognition (ANPR) devices, operators scan vehicles parked on the streets.

Any vehicle without a valid parking ticket is flagged and details passed on to the nearby DBKL enforcement team, who will issue summonses.

With these measures in place, DBKL is aiming to ensure parking regulations in the city are adhered to.



A parking operator scanning a vehicle in a busy commercial area in Taman Desa, KL. The operator is using an automatic number plate recognition (ANPR) device as part of DBKL's citywide enforcement initiative. — Photos: ART CHEN, YAP CHEE HONG and AZLINA ABDULLAH/The Star

## Effective use of resources

Kuala Lumpur mayor Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif described the operators as managers overseeing the parking system, while DBKL remained in control of the operations.

"All four operators will be responsible for managing 59,000 street parking bays in the city, with one operator managing 31,000 bays, another 12,000, and the remaining two 8,000 each.

"Their job is to collect the data and pass it to enforcement officers appointed to supervise the areas," she added.

Maimunah said managing parking across 160 areas and 820 roads in Kuala Lumpur between 7.30am and 6pm, required highly efficient manpower.

"Our enforcement officers cannot be expected to patrol every road to manage parking when they have other critical enforcement duties to attend to.



Azlina: Profits from collections will be shared with the appointed operators.

"This system allows us to allocate resources more effectively.

"By privatising parking fee collection, we aim to have an efficient parking management system and to educate the public on their responsibility to pay for parking.

"It's about fostering accountability while ensuring smoother operations," she said.



Maimunah described the operators as parking managers with DBKL in control.

Maimunah said DBKL hoped to collaborate with the police and Road Transport Department (JPJ) to integrate local authority summonses into their database.

"This will ensure that individuals who fail to pay their parking dues will need to settle outstanding summonses before renewing their road tax or licence," she said.

"I have suggested this to the police, and plan to discuss it with JPJ as well.

"Having such a system in place will help us manage parking more effectively."

## System explained

DBKL Finance Department director Azlina Mohd Saad said prior to DBKL taking over the parking management in October 2020, the task had been privatised to a company called Vista Summerose.

The company managed the city's parking bays from 2016 to September 2020.

Following the end of the contract, DBKL assumed direct management of all 59,000 parking bays, she added.

Azlina said enforcement was lax in many areas during certain periods like the Covid-19 pandemic, as DBKL was short-staffed.

This resulted in traffic conges-



Banners explaining the parking charges and how to pay can be seen in Kuala Lumpur including in Kuchai Lama.



A parking operator using the ANPR device to scan vehicles for unpaid parking fees at a busy commercial area in Taman Desa.

# 'Swift enforcement needed to prevent exercise in futility'

RESIDENTS of Taman Desa and Kuchai Entrepreneurs Park in Jalan Kelang Lama, Kuala Lumpur, were caught by surprise upon seeing uniformed men scanning vehicles in busy commercial areas in their neighbourhood.

They later found out that the men were appointed by Kuala Lumpur City Hall (DBKL) to collect data on vehicles parked on DBKL-owned parking bays.

Wearing vests bearing the DBKL logo and armed with an automatic number plate recognition (ANPR) device, the men were on the lookout for vehicles with outstanding parking fees.

At Taman Danau Desa, out of 30 vehicles scanned along Jalan 2/109f, only one had paid.

The data on defaulters was promptly sent to enforcement officers to issue summonses.

At Kuchai Entrepreneurs Park, another parking operator performed the same task.

Banners on trees, poles and gates reminding motorists of DBKL's parking payment rules are visible.

The initiative is aimed at increasing parking revenue in Kuala Lumpur.

Each operator engaged by DBKL has been tasked to scan at least 1,000 vehicles a day.

Fines collected from defaulters are channelled to DBKL, which will then share profits with the appointed operators.

"The more vehicles we scan, the more people pay (after enforcement officers take action), and ultimately more revenue for the city," said one parking operator who declined to be named.

However, the system is far from perfect, as delays in enforcement hinder its effectiveness.

"For this system to work, enforcement must be immediate. If there's no prompt action, it is back to square one, with

people reverting to the 'no enforcement means no need to pay' mindset," an industry source explained.

The operator's job is further complicated by the manual nature of the process.

"Once our officers move on to another street after scanning, they cannot come back and re-scan the same spot," the source added.

Taman Desa resident Koh Swee Hyong said, "Ideally, the enforcement team should take action immediately. If there is delay, people don't take paying for parking seriously."

"Lack of enforcement encourages defaulters to break rules without fear of consequences."

"If enforcement isn't prompt, the system falls apart, and people won't bother paying," he added.

Taman Desa Residents Association chairman Wong Chan Choy said the system's success hinged on timely collaboration between operators and enforcement officers.

"Without timely action, this system is at risk of becoming another failed attempt to improve Kuala Lumpur's parking woes," Wong said.

Meanwhile residents across the city have seen banners and the increased presence of parking personnel scanning vehicles, sparking mixed reactions.

"Paying for parking ensures that spaces are available and not monopolised by the same cars all day," said Bangsar resident M. Viknendran.

Sheila Aziz, a 29-year-old office worker from Wangsa Maju said, "With proper enforcement, there's less double-parking and more turnover, which makes my daily commute smoother," she said.

However, others feel DBKL has not done enough to inform the public about the new system.

"We were never given proper

## Kuala Lumpur parking rates at three zones


**Zone A (city centre area)**  
**RM1.50** for the first hour | **RM2.50** for each subsequent hour

**Zone B (outer city centre and active areas)**  
**RM1.50** per hour

**Zone C (outer city areas)**  
**80sen** per hour

Parking fees can be paid online through the EZKL Smart Park, and Flexi-Parking, applications. Additionally, payments can be made using e-wallet such as Touch 'n Go, Boost, Mcash, and Setel.

TheStargraphics



notification about these changes," said resident Jaclyn Chin. "Parking has always been free in my neighbourhood," she said, referring to some parts of Taman Desa.

"It's frustrating to wake up one day and find that areas that were previously free are now chargeable," said Chin.

Some seniors are finding the transition challenging.

"For someone my age, navigating these complex parking apps is daunting," said 72-year-old retiree Joseph Rajamanikam.

"I miss the days of coins and simple machines. Now, I feel lost and stressed every time I need to park," he added.

Brickfields Rukun Tetangga chairman SKK Naidu said a banner on the parking app had been put up in his area but scanning had yet to start.

Kuala Lumpur's street



An operator explaining how to pay for parking to Taman Desa residents including Wong (left) and Koh (second from right).

parking is from 7.30am to 6pm, Mondays to Saturdays, excluding Sundays and public holidays.

Parking rates vary by zone, and a monthly pass of RM140 is valid only in Zones B and C (see graphic). — By BAVANI M

tion and increase in safety hazards, while parking space became scarce.

She said in July last year, DBKL appointed four companies to manage the parking system.

It is learnt that the companies started operations last October.

"Previously, Vista Summerose paid us a minimum monthly fee of RM600,000, with additional payments when the company

collected higher revenues.

"During this period, DBKL's revenue from parking often reached RM1mil a month," Azlina said, adding that last year's revenue collected from parking was RM1.9mil.

Under the new arrangement, parking collections will be handed over to DBKL with profits being shared with the appointed operators.

However, Azlina declined to reveal the amount of payment that will go to the operators.

The four DBKL departments managing parking in Kuala Lumpur are its Finance Department (roadside parking), Licensing and Business Development Department (private parking facilities), Valuation and Property Management Department (multi-level parking facilities), and Community Development and Urban Well-Being Department (multi-level carparks in People's Housing Projects).

On parking revenue collection, Azlina said it had been inconsistent since DBKL took over parking management in 2020, particularly during the Covid-19 pandemic when various exemptions and discounts were offered to the public, resulting in significantly lower collections.

"This is why we decided that outsourcing parking management was necessary. Since appointing the parking operators last year, DBKL has collected RM1.9mil in parking revenue."

"However, it is important to note that this figure represents gross revenue before deductions to the operators," she explained.

## Beneficial system

DBKL Enforcement Department director Mohd Muzammer Jamaluddin said motorists needed to look at the move as an awareness exercise instead of a punitive measure.

"Ninety traffic enforcement officers working with private operators will provide data to issue summonses across the city."

"These officers are responsible for enforcing parking regulations. To enhance visibility, the personnel will also wear vests bearing the DBKL logo."

"The idea is simple — when people see enforcement officers on the ground, they're more likely to pay for parking," he said.

"Visibility is key. If no one sees a parking officer, there's less urgency to comply."

"By having our officers out there, it not only encourages compliance but also reassures the public that enforcement is actively taking place."

Mohd Muzammer reiterated that DBKL had the authority to collect fees for any parking bay in the city in accordance with Road Transport (Provision of Parking Places) Federal Territory of Kuala Lumpur Order 2016.

In DBKL's 2025 budget presentation, the local authority posted a projected revenue, expected from parking, at 1.41%, amounting to RM34.12mil for this year.

The income is expected to come from the management of public parking spaces including fees collected from on-street parking bays, carparks and any enforcement activities such as penalties for unpaid parking.

According to data provided by DBKL, on-street parking fees previously generated an average revenue of RM1mil per month, totalling RM12mil annually.

Parking-related fines contributed an additional RM250,000 per month, amounting to RM3mil annually while multi-storey carparks under DBKL's supervision brought in RM2.02mil annually.

Although a relatively small portion compared to assessment taxes and planning fees, parking still plays an important role in generating income for the city.



A close-up of the ANPR device used by parking operators that will send data directly to DBKL enforcers.

WATCH THE VIDEO  
 TheStarTV.com



Baiki kemudahan rosak

# Tampil pelancongan Seri Kembangan

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

**SHAH ALAM** - Dewan Undangan Negeri (DUN) Seri Kembangan mahu melancarkan pelancongan Seri Kembangan Februari ini selaras penganjuran Tahun Melawat Selangor 2025 (TMS2025).

Wakil rakyatnya Wong Siew Ki memberitahu pelbagai tarikan atau lokasi menarik pelancongan akan diketengah antaranya Sungai Kuyoh dan Kampung Baru Seri Kembangan.

"Kita rancang Seri Kembangan atau Serdang sebagai destinasi pelancongan dijangka Februari ini kerana pelbagai tarikan pelancong boleh diketengahkan," katanya pada 1 Januari.

Menjelaskan pemulihan kemudahan awam diberi keutamaan, beliau berkata prasarana di Kampung Baru Seri Kembangan yang menjadi kampung baru terbesar di Malaysia perlu dibaik pulih.



"Kita sedang buat pengindahan landskap di Sungai Kuyoh, Seri Kembangan yang boleh menjadi tarikan pelancong bergambar berlatar belakang pemandangan sungai yang cantik," katanya.

Selain itu, pihaknya juga bekerjasama dengan peniaga sekitar Seri Kembangan untuk menyediakan cenderamata atau mengetengah produk tertentu di kawasan berkenaan.

SELANGOR KINI  
13 JAN 2025

Tarikh: .....

# Tumpu atasi masalah sistem saliran

**SHAH ALAM** - Isu banjir kilat yang kerap berlaku di beberapa kawasan dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Sentosa diberi tumpuan pada tahun ini, kata wakil rakyatnya Dr G Gunaraj.

Beliau berkata beberapa prasarana pula akan ditambah baik dengan kerjasama Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) antaranya melebarkan longkang di Taman Sentosa dan Bukit Tinggi.

"Beberapa kawasan di Bukit Tinggi rendah, longkang tidak dapat menampung air apabila hujan lebat. Selain itu, kolam tadahan di Tasik Bo-

tanik juga perlu disenggrai," katanya.

Dr Gunaraj memberitahu pihaknya juga mahu meningkatkan lagi kerjasama dengan KDEB Waste Management untuk memastikan kerja pungutan sampah sentiasa berjalan lancar.

"Penduduk perlu mengubah sikap, ramai membuang sampah di kawasan tidak sepatutnya," katanya sambil berharap penjawat awam dan agensi negeri berganding bahu menjayakan dasar



Kerajaan Selangor.

Sementara itu, Dr Gunaraj memaklumkan MBDK bersetuju dengan cadangan menaik taraf Taman Sentosa kepada status bandar bermula Februari.

Beliau berkata usaha itu bagi mengimbangi pembangunan di Bandar Botanik, Bandar Bukit Tinggi, Bandar Putera dan Bandar Puteri.

"Satu mesyuarat dibuat dengan MBDK, pihak mereka bersetuju dengan cadangan naik taraf dan akan diumumkan dalam sebuah majlis pada Februari depan," katanya.

SELANGOR KINI

13 JAN 2025

Tarikh: .....

## Tangani kegiatan <sup>su</sup> sampah haram <sup>18/1</sup> (MBSA)

**SHAH ALAM** - Beberapa individu dalam kalangan penduduk dilantik sebagai pengintip bagi memantau perbuatan pembuangan sampah haram di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kota Kemuning.

Wakil rakyatnya Preakas Sampunathan berkata kerjasama dengan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan penduduk juga dipergiat bagi menangani masalah berkenaan khususnya di sekitar Bukit Kemuning.

"Kami minta kerjasama penduduk membuat pemantauan di kawasan Bukit Kemuning untuk isu pembuangan sampah haram.

"Jika dikesan, ambil gambar dan lapor dengan menyerah bukti kepada MBSA untuk tindakan pendakwaan kepada pihak terbabit," katanya baru-baru ini

SELANGOR KINI

Tarikh: .....13 JAN 2025.....

Bina dewan, naik taraf stadium mini

# RM27.1 juta tingkat kemudahan awam

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

8/1/2025 (MBSA)

**SHAH ALAM** - Enam projek khidmat awam bernilai RM27.1 juta menjadi tumpuan utama Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) bagi mewujudkan pembangunan mampan pada tahun ini.

Projek berkenaan termasuk pembangunan dewan bankuet dua tingkat di Taman Tasik Milenium, Kuala Kubu Bharu yang dijangka siap Januari 2026 selain pembinaan dua dewan terbuka.

"Turut dibina dewan komuniti serba guna satu tingkat di Taman Seroja, Bukit Sentosa serta menaik taraf dewan dan hiasan dalaman auditorium dan serbaguna Dato' Abdul Hamid, Batang Kali.

"Kerja menaik taraf Stadium Mini Kuala Kubu Bharu pula dijangka berlangsung bermula Januari hingga Jun tahun ini," menurut kenyataan MPHS baru-baru ini.

Selain itu, pihak berkuasa tempatan tersebut menjangka pertambahan hasil RM14.6 juta ekoran kadar taksiran baharu yang diumumkan EXCO kerajaan tempatan Dato' Ng Suee Lim pada 9 Disember.

Pemilik harta di Selangor menik-

mati potongan sehingga 75 peratus kadar baharu cukai taksiran dan hanya perlu membayar 25 peratus daripada keseluruhan kadar berkenaan mulai 1 Januari.

Pengecualian cukai taksiran bagi rumah kos rendah juga diteruskan bagi tahun kesepuluh.

Sementara itu, pelbagai tambah baik kemudahan dirancang Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sempena ulang tahun ke-25 bandar raya Shah Alam pada tahun ini.

Menurut datuk bandaranya, projek yang menjadi tumpuan adalah sistem saliran, jalan raya, pengangkutan awam serta pelaksanaan tebatan banjir.

"Kita sudah menyediakan 10 pelan perancangan awal, antaranya adalah pemasangan pam di Seksyen 17, membina laluan tambahan di Seksyen 32, menaik taraf pembentung dan sistem saliran di Seksyen 25 serta Seksyen 33.

"Selain itu, naik taraf kolam takungan di Seksyen U20 dan Seksyen 5, serta menaik taraf persimpangan Terowong Cahaya Alam di Seksyen U12 ke Seksyen 7," kata Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim pada 4 Januari.

Beliau menjelaskan MBSA turut merancang pembangunan infrastruktur hijau seperti taman rekreasi, laluan

pejalan kaki dan basikal.

Pada tahun ini juga, menurut Mohd Fauzi, MBSA julung kalinya bakal membina pusat pengurusan haiwan bersepadu yang pertama di Shah Alam bagi menempatkan haiwan jalanan seperti anjing dan kucing.

"Kita akan bina pusat pengurusan haiwan bersepadu bagi menempatkan haiwan jalanan yang dilaporkan menimbulkan kacau ganggu kepada masyarakat supaya haiwan ini dapat diuruskan dengan baik," katanya.



SELANGOR KINI

Tarikh: 13 JAN. 2025

# Dapat sijil patuh syariah

8K 13/1 (MBSA)

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama di Malaysia yang menerima pengiktirafan sijil patuh syariah.

Pengarah Korporat dan Perhubungan Awamnya Mohd Azhar Mohd Sharif berkata MBSA memperoleh Sijil Pematuhan Syariah Ke Atas Organisasi melalui saringan penyata kewangan 2023.

"Saringan pensijilan syariah ini dilaksanakan oleh Salihin Shariah Advisory Sdn Bhd iaitu penasihat syariah yang berkeelayakan dan berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

"Skop pemeriksaan pensijilan syariah meliputi saringan seperti perkhid-



matan, nisbah kewangan, aspek etika dan tanggungjawab sosial korporat," kata kenyataan pada 6 Januari.

Mohd Azhar memberitahu pengiktirafan itu bertujuan meningkatkan keyakinan pemegang taruh MBSA berkaitan sumber pendapatan dan perbelanjaan yang dijayakan sepanjang 2023.

Menyifatkan ia sebagai kejayaan membanggakan, beliau berkata pencapaian berkenaan membuktikan komitmen berterusan MBSA dalam menjalankan prinsip syariah kepada masyarakat.

"MBSA terus berusaha untuk mengekal hala tuju sebagai organisasi yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus, sosial dan persekitaran selaras konsep maqasid syariah," katanya.

SELANGOR KINI

Tarikh: 13 JAN 2025

## RM40,000 bantu <sup>92/13/1</sup> kebun komuniti (MPAJ)

**SHAH ALAM** - Sebanyak 27 kebun komuniti bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menerima bantuan pertanian RM40,000, kata Yang Dipertuanya Dr Ani Ahmad.

Beliau memberitahu bantuan yang disalurkan Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) antara usaha untuk mengalakkan kebun komuniti yang lebih teratur dan sistematik.

"MPAJ menyerahkan bantuan bagi pihak UPEN. Sebanyak 23 kebun komuniti menerima bantuan set baja manakala empat lagi menerima kemudahan pemasangan panel solar.

"Ini menyokong penduduk mengusahakan kebun komuniti bawah pengurusan pihak berkuasa tempatan. Pemasangan panel solar juga menjimatkan tenaga elektrik dalam urusan kebun komuniti," katanya.

SELANGOR KINI

Tarikh: 13 JAN 2025

## SW RM Pelan Lembah Klang Raya siap Disember

**KUALA LANGAT** - Pelan Rancangan Pembangunan Komprehensif Lembah Klang Raya Selangor (SGKV) dijadual siap menjelang hujung tahun ini sekali gus merealisasi bandar metropolitan pertama negara.

Ketua Pejabat Urusetia Sementara SGKV Dato' Puasa Md Taib berkata pelan tersebut menjadi model pentadbiran metropolitan merangkumi Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam dan Klang.

"Pelan pembangunan ini kita jangka disiapkan pada Oktober atau selewatnya hujung tahun ini. Kita hendak tunjukkan kepada masyarakat bahawa SGKV yang dibentuk dapat melaksana projek-projek yang menjadikan Shah Alam, Klang, Petaling Jaya dan Subang Jaya sebagai bandar raya terancang.

"Usaha ini akan melonjak ekonomi Selangor serta meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar dari semasa ke semasa," katanya pada 7 Januari.

Beliau berkata pelan sehingga 2035 itu boleh berubah mengikut keperluan semasa.

SELANGOR KINI

Tarikh: 13 JAN 2025

# Kaji garis panduan acara hiburan <sup>82</sup> 13/1

**KUALA SELANGOR** - Kerajaan Negeri sedia mengkaji semula garis panduan penganjuran acara hiburan bagi memastikan insiden kematian pengunjung tidak berulang.

EXCO Belia Najwan Halimi berkata pihaknya kesal terhadap kejadian empat individu yang meninggal dunia selepas menghadiri konsert sempena sambutan ambang tahun baharu.

"Kita kesal dengan apa yang berlaku dan yakin pihak berkuasa telah ambil keputusan sewajarnya. Saya harap penganjur dapat lihat semula kaedah pelaksanaan (konsert).

"Saya akan bincang dengan EXCO

kerajaan tempatan untuk lihat semula perkara ini. Saya setuju supaya kita semak dan kaji semula garis panduan penganjuran konsert dan hiburan," katanya pada 4 Januari.

EXCO Kerajaan Tempatan Dato' Ng Suee

Lim pula berkata aspek keselamatan akan dipertingkatkan termasuk mempertimbang cadangan mengimbas pengunjung kepada penganjur program.

Beliau menambah penangguhan sementara kebenaran permit untuk penganjuran konsert akan merugikan penganjur.

"Penangguhan oleh polis atas faktor keselamatan membawa kesan kerana

penganjur telah banyak melabur. Selepas ini, kita tambah baik garis panduan, mungkin konsert boleh dianjurkan semula.

"Jika ada keperluan negeri akan mengadakan mesyuarat dengan pihak berkuasa tempatan dan polis

untuk mengenal pasti punca kejadian bagi menambah baik garis panduan," katanya.

Sebelum ini, empat individu meninggal dunia selepas menghadiri konsert di Petaling Jaya.

Susulan itu, Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan menangguhkan sementara kelulusan permit penganjuran konsert bagi mengelakkan insiden sama berulang.



**SELANGOR KINI**

Tarikh: **18 JAN 2025**

Tertinggi dalam sejarah negeri

# Raih pendapatan RM2.858 bilion

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SK 13/1

**SHAH ALAM** - Hasil pendapatan RM2.858 bilion diraih sepanjang tahun lalu, mengatasi pencapaian terbaik pada 2017 iaitu RM2.811 bilion seterusnya tertinggi dalam sejarah negeri ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari juga memberitahu jumlah tersebut 129 peratus lebih tinggi daripada sasaran awal negeri.

"Sudah pasti kejayaan ini disumbang hasil kerjasama erat Kerajaan Negeri-sektor swasta-rakyat, dipandu dengan polisi dinamik pentadbiran negeri

dan persekutuan," katanya.

Selangor memperoleh kutipan hasil RM2.7 bilion pada 2023, RM2.5 bilion (2022) dan RM2.3 bilion pada 2021, didorong perkembangan positif ekonomi dan kemasukan pelaburan yang agresif.

Ketua penerangan Parti Keadilan Rakyat Selangor pula berkata perbelanjaan mengurus juga jimat ekoran 98.07 peratus atau RM1.554 bilion digunakan daripada peruntukan keseluruhan.

Menurut Halimey Abu Bakar, kejayaan Selangor mencatat lebihan kewangan RM98.99 juta untuk 2024 sekaligus mencatat kutipan dan penjimatan tertinggi pentadbiran negeri sejak 2017.

Beliau menjelaskan pentadbiran Amirudin juga membuat penjimatan apabila berbelanja RM1.205 bilion atau 97.18 peratus bagi pembangunan tahun lalu.

"Kejayaan pentadbiran Dato' Menteri Besar menunjukkan keupayaan Selangor untuk mencatat kejayaan yang lebih memberangsangkan menjelang 2025.

"Fitnah dan tohmahan boleh dilempar sesetengah pihak tidak bertanggungjawab bagi mengelirukan rakyat, namun data dan fakta tidak mungkin dapat diseleweng," katanya pada 2 Januari.

SELANGOR KINI

13 JAN 2025

Tarikh: .....

SA 12/1  
(MBPJ)

## MBPJ sita empat premis tanpa lesen

**PETALING JAYA** - Empat premis perniagaan tanpa lesen disita dan diarahkan tutup serta-merta dalam operasi penguatkuasaan dan pemantauan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), baru-baru ini.

Menurut MBPJ, operasi dilaksanakan di PJS 2, pada Jumaat, turut disertai Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohamad Zahri Samingon.

"Operasi penguatkuasaan dan pemantauan susulan dilakukan MBPJ di sekitar PJS 2 dalam usaha membanteras premis perniagaan tanpa lesen khususnya melibatkan warga asing.

"Operasi juga bagi menilai tahap kepatuhan pemilik perniagaan di kawasan tersebut," katanya menerusi satu kenyataan di Facebook pada Ahad.

Menurut MBPJ, tindakan penguatkuasaan akan terus dilaksanakan dan diperluaskan ke kawasan *hotspot* dikuasai warga asing.

"Operasi ini termasuk aduan diterima MBPJ bagi memastikan semua pihak mematuhi peraturan dan undang-undang ditetapkan," ujarnya.

**SINAR HARIAN**

Tarikh: **13 JAN 2025**

## Semua pemilik anjing perlu berlesen - MBDK

8A 13/1  
(MBSA)  
**KLANG** - Semua pemilik anjing perlu mendapatkan lesen selaras kehendak dan keperluan Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing & Rumah Pembiakan Anjing Majlis Perbandaran Klang 2007.

Menurut Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK), susulan itu, pihaknya melaksanakan Program Melesenkan Anjing Peliharaan Secara In-Situ di Dewan Ambang Botanik 2, Bandar Botanik Klang pada Sabtu lalu.

"Program ini merupakan salah satu program *outreach* dilaksanakan MBDK kepada komuniti yang memelihara anjing sebagai peliharaan.

"Pemilik anjing peliharaan bertanggungjawab melesenkan anjing selaras kehendak dan keperluan undang-

undang.

"Di samping itu, program dianjurkan diharap dapat memupuk sikap tanggungjawab dalam kalangan pemilik menjaga kebajikan anjing peliharaan mereka.

"Usaha ini juga secara tidak langsung dapat mengawal kacau ganggu daripada aktiviti pemeliharaan anjing," ujarnya dalam satu kenyataan di laman Facebook pada Ahad.

Katanya, dengan bayaran RM10 bagi setiap anjing didaftarkan, sebanyak 95 anjing dilesenkan manakala 32 daripadanya menerima vaksin daripada agensi klinik haiwan swasta.

"Orang ramai boleh melayari laman sesawang MBDK untuk memohon lesen memelihara anjing secara dalam talian," katanya.



Program Melesenkan Anjing Peliharaan Secara In-Situ di Bandar Botanik, Klang pada Sabtu.

**SINAR HARIAN**

Tarikh: .....13 JAN 2025.....

# Kerajaan tumpu rancakkan ekonomi

- Tidak goyah ada suara yang membuat kacau
- Tumpu segala usaha memakmurkan ekonomi negara

**PETALING JAYA** – Perdana Menteri memaklumkan kerajaan ketika ini sedang menumpukan segala usaha ke arah memakmurkan serta merancakkan ekonomi negara.

Menerusi perkongsian di laman Facebook, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, walaupun ada segelintir pihak cuba menanam bibit kekacauan dan adu domba, namun ia sesekali tidak mengugut komitmen kerajaan.

"Saya berpeluang untuk menjelaskan beberapa perkara termasuk usaha kerajaan saat ini yang sedang menumpukan segala usaha ke arah memakmurkan serta merancakkan ekonomi negara.

"Namun, tumpuan kerajaan



ANWAR bergambar dengan orang ramai selepas Program Muhibbah Madani 2025 anjuran bersama Yayasan Muhibbah dan Yayasan Global Mesra dan Bank Rakyat di Seberang Perai kelmarin.

tidak goyah hanya kerana beberapa suara dan watak yang cuba menanam bibit kekacauan dan adu domba yang berlebihan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan ucapan pada Program Muhibbah Madani 2025 anjuran bersama Yayasan Muhibbah dan Yayasan Global Mesra dengan kerjasama Bank Rakyat di pekarangan Majlis Bandaraya Seberang Perai, Pulau Pinang kelmarin.

Selesai majlis itu, katanya, beliau telah menyerahkan sumbangan *Back to School* kepada pelajar-pelajar dan sumbangan bakul makanan serta barangan mentah kepada golongan yang memerlukan di kawasan Permatang Pauh.

"Sekalung penghargaan daripada pihak kerajaan kepada semua agensi yang terlibat dalam menjayakan penyerahan bantuan persekolahan dan bakul makanan kepada keluarga-keluarga khususnya sekitar Permatang Pauh," kata Anwar.

KOSMO

Tarikh: 1.3...JAN.2025..



SPRM menahan reman dua kakitangan dan seorang bekas kakitangan agensi sebuah kementerian dipercayai terbabit amalan rasuah dalam mendapatkan surat tawaran kelulusan Lesen Kenderaan Perdagangan (LKP) tanpa memenuhi syarat ditetapkan.

## Kes LKP: Tiga termasuk dua kakitangan agensi kerajaan direman

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman dua lagi kakitangan dan seorang bekas kakitangan agensi sebuah kementerian dipercayai terbabit amalan rasuah bagi mendapatkan surat tawaran kelulusan Lesen Kenderaan Perdagangan (LKP) tanpa memenuhi syarat ditetapkan.

Perintah reman terhadap ketiga-tiga suspek membabitkan dua wanita dan seorang lelaki berusia lingkungan 30-an selama empat hari sehingga 14 Januari ini dikeluarkan Pen-

daftar Mahkamah Majistret Putrajaya, Syahrul Syazly Md Sain selepas permohonan dibuat SPRM kelmarin.

Menurut sumber, ketiga-tiga suspek ditahan antara jam 3:30 hingga 5 petang Jumaat lalu ketika hadir di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya bagi dirakamkan keterangan untuk membantu siasatan.

Tangkapan terhadap ketiga-tiga suspek itu adalah susulan operasi dijalankan

Bahagian Perisikan SPRM menerusi Op Loader pada Rabu lalu di mana seramai lapan individu termasuk empat pengarah syarikat dan seorang pengarah agensi sebuah kementerian ditahan.

"Bagi mengeluarkan surat tawaran kelulusan LKP berkenaan, pegawai agensi itu dipercayai bersekongkol dengan syarikat yang bertindak menyedikan

maklumat palsu seperti penyata bank selain mengurus proses permohonan termasuk Surat Tawaran Kelulusan (STK) dan Surat Kelulusan Lanjut Usia (SKLU) bagi membolehkan kenderaan perdagangan yang tidak layak menjalani Pemeriksaan Awal Puspakom," katanya.

Katanya, berdasarkan risikan, bayaran rasuah yang dikenakan adalah sebanyak RM3,000 hingga RM20,000 bergantung kepada jenis kenderaan dan usia kenderaan yang ingin permohonan LKP terbabit.

**Perintah reman terhadap ketiga-tiga suspek membabitkan dua wanita dan seorang lelaki**

# 64 13/1 Agensi kerajaan disaran beri projek kepada kontraktor G1

**Iskandar Puteri:** Agensi kerajaan disaran membahagi-bahagikan projek yang hendak dilaksanakan kepada kontraktor kelas G1 yang sedang berdepan isu kekurangan projek.

Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Ahmad Maslan, berkata langkah itu susulan peningkatan jumlah kontraktor kelas sa-

ma di seluruh negara ketika ini.

"Saya mencadangkan agensi kerajaan memperbanyakkan kerja untuk kontraktor G1, kerja itu boleh dipecahkan kepada skop lebih kecil, maka daripada satu kontraktor besar yang dapat, kita boleh turunkan kepada beberapa kontraktor G1.

"Kita ada banyak agensi yang

boleh buat demikian termasuk Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR).

"Selain itu, program khas boleh dilaksanakan khususnya pembinaan lebih banyak dewan, balai raya dan surau di kampung," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persa-

tuan Kontraktor Bumiputera Kelas F (PERKOBF) Malaysia Cawangan Johor di sini, semalam.

Setakat ini, ada 67,300 kontraktor kelas G1 yang dahulunya dikenali sebagai kelas F dengan daripada jumlah itu 49,162 ber-  
taraf Bumiputera.

Ahmad berkata, dalam usaha memperkasakan kontraktor ke-

las Bumiputera G1 hingga G4, peruntukan berjumlah RM450 juta diberi tahun ini membabitkan kerja penyelenggaraan jalan Persekutuan di seluruh negara.

"Agihan projek akan dibuat secara undian bagi memastikan semua pihak mendapat peluang sama rata," katanya.

BERNAMA

BERITA HARIAN  
Tarikh..... 13 JAN 2025

# Permohonan ke sektor awam dijangka naik

Oleh **FITRI NIZAM**  
utusannews@mediamula.com.my

**PETALING JAYA:** Permohonan menyertai sektor perkhidmatan awam dijangka terus meningkat dalam tempoh lima tahun ke depan selepas pelaksanaan Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) yang menyumbang kepada peningkatan gaji penjawat awam.

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Abdul Rahman Mohd. Nordin berkata, unjuran itu dibuat berdasarkan rekod sebelum ini yang menunjukkan permohonan jawatan sektor kerajaan terus meningkat saban tahun.

Katanya, sejak tahun 2000 lagi permohonan untuk menyertai sektor perkhidmatan awam meningkat mendadak berbanding tahun-tahun sebelumnya.

"Bagaimanapun, sejak tahun 2020 apabila wabak Covid-19 melanda negara, permohonan untuk menyertai perkhidmatan awam meningkat mendadak disebabkan ramai pekerja swasta hilang pekerjaan.



**Unjuran itu dibuat berdasarkan rekod sebelum ini..."**

**ABDUL RAHMAN MOHD. NORDIN**

"Tetapi, kita menjangkakan jumlah permohonan menyertai perkhidmatan awam akan terus meningkat memandangkan dengan pelaksanaan SSPA yang melihatkan gaji penjawat awam meningkat dan ditambahbaik," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan kerajaan menerima 44,559,514 permohonan kerja dalam perkhidmatan awam sepanjang tempoh lima tahun sejak 2019 sehingga 2023 melalui tiga agensi utama pihak berkuasa melantik (PBM).

Tiga agensi utama PBM itu ialah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP) dan Suru-

hanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP).

Selain daripada tiga agensi itu, urusan pengambilan bagi perkhidmatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah melalui Suruhanjaya Pasukan Polis, manakala bagi bagi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pula ialah Majlis Angkatan Tentera (MAT).

Untuk rekod, jumlah penjawat awam ketika ini mencecah 1.6 juta orang di seluruh negara.

Abdul Rahman berkata, selain gaji yang semakin berdaya saing, keterjaminan kehidupan sebelum dan selepas pensijil juga menarik minat orang ramai untuk menyertai perkhidmatan awam.

"Pelbagai manfaat diperolehi jika menyertai sektor ini antaranya pensijil bulanan selepas bersara, perkhidmatan kesihatan percuma, kemudahan pinjaman perumahan dan kenderaan serta banyak lagi.

"Jadi tidak hairanlah jika unjuk tempoh lima tahun ke depan jumlah permohonan untuk menyertai sektor perkhidmatan awam akan terus meningkat daripada sebelumnya," katanya.

**UTUSAN MALAYSIA**  
Tarikh: **13 JAN 2025**

# Keterjaminan antara faktor sektor awam jadi pilihan

**PETALING JAYA:** Keterjaminan pekerjaan sektor perkhidmatan awam merupakan antara faktor utama menyumbang kepada jumlah permohonan 44,559,514 jawatan kerajaan.

Jumlah permohonan yang besar itu juga adalah disebabkan ramai rakyat Malaysia kehilangan pekerjaan akibat wabak Covid-19 sekitar tahun 2020 hingga 2022.

Bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd. Khairul Adib Abd. Rahman berkata, Covid-19 memberi impak kepada negara khususnya di sektor swasta apabila banyak pekerja termasuk golongan profesional kehilangan pekerjaan masing-masing.

Katanya, keadaan itu menyumbang kepada jumlah permohonan besar dalam sektor awam kerana perkhidmatan awam lebih stabil walaupun pendapatan bulanan hanyalah memadai dan mencukupi.

"Jadi tidak hairanlah juga jika jumlah permohonannya be-



**MOHD. KHAIRUL ADIB ABD. RAHMAN**

mat kerana ramai yang terkesan akibat Covid-19 dan mencuba nasib mengisi borang SPA (Suruhanjaya Perkhidmatan Awam), bukan sahaja dalam kalangan graduan baharu bahkan graduan lama untuk peralihan kerjaya," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Mohd. Khairul yang berkhid-

mat sejak 2019 hingga 2022, berkata, sektor awam dianggap lebih stabil kerana penjawatan disediakan sentiasa ada saban tahun malah taburan geografinya luas dari Perlis hingga ke Sabah.

"Manfaatnya lebih luas iaitu pilihan untuk berkhidmat di negeri masing-masing atau ke luar negeri. Perkara ini tidak banyak ditawarkan sektor swasta melainkan syarikat mempunyai cawangan di seluruh negara.

"Pada masa sama, sektor awam juga menawarkan pelbagai jenis jawatan daripada tenaga kurang mahir sehingga profesional. Jadi mereka lebih memilih keterjaminan pekerjaan.

"Pada masa sama, sektor awam bukanlah berasaskan keuntungan, tetapi sektor swasta jika syarikat peroleh keuntungan maka ia akan berkembang, jika menanggung kerugian ia akan menguncup," katanya.

Laporan muka depan *Utusan Malaysia* kelmarin melaporkan

kerajaan menerima 44,559,514 permohonan kerja dalam perkhidmatan awam sepanjang tempoh lima tahun sejak 2019 sehingga 2023 melalui tiga agensi utama pihak berkuasa melantik (PBM).

Tiga agensi utama PBM itu ialah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP).

Selain daripada tiga agensi itu, urusan pengambilan bagi perkhidmatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah melalui Suruhanjaya Pasukan Polis, manakala bagi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pula ialah Majlis Angkatan Tentera (MAT).

Sementara itu, bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Borhan Dolah yang memegang jawatan itu dari 2018 hingga 2019, berkata, keterjaminan pekerjaan ketika berkhidmat dan selepas perkhidmatan serta kestabilan sektor awam

perkara utama menyumbang kepada jumlah permohonan yang besar saban tahun.

Katanya, sektor awam memberi jaminan dengan pelbagai manfaat sepanjang berkhidmat bahkan turut menjamin kewangan penjawat awam selepas mereka bersara.

"Selepas bersara mereka mempunyai pencen dan ia akan diterima oleh keluarga jika mereka telah tiada. Ia merupakan satu jaminan jangka panjang.

"Pada masa sama, sistem pendidikan negara yang semakin berkembang turut menyumbang kepada penambahan permohonan ini kerana jumlah IPTA (Institusi Pengajian Tinggi Awam) dan IPTS (Institusi Pengajian Tinggi Swasta) juga semakin banyak," katanya.

Beliau berpandangan, risiko di sektor swasta yang mengamalkan *hired and fired* juga adalah faktor orang ramai lebih cenderung memohon untuk menyertai sektor awam.

# Govt urged to address animal welfare concerns

➤ Suggested reforms include amendments to laws, educating public and stricter regulations on breeders

■ BY KIRTINEE RAMESH  
newsdesk@thesundaily.com

**KUALA LUMPUR:** Persatuan Haiwan Terbiar Malaysia is calling on the government to address concerns about animal welfare, particularly the treatment of stray animals.

Its president Kalaivanan Ravichandran said the association wants reforms to be implemented to improve animal welfare and protection.

According to statistics from the Veterinary Services Department, dogs are the most abused species in Malaysia, with 11,450 reported cases of abuse from 2021 to 2024, followed by cats with 5,715 cases.

Kalaivanan highlighted the need for reforms that not only address abuse but also the broader issue of stray animal management.

One of the most pressing demands was a reform of the Animal Welfare Act 2015.

He emphasised the need for amendments to explicitly ban cruel practices, such as shooting and inhumane capture methods.

He also called for clear legal protections to ensure local authorities adopt humane standards for managing stray animals.

"The legislation does not go far enough to protect animals from these practices."

Another key demand was the

implementation of a nationwide Trap Neuter and Return (TNR) programme.

Kalaivanan said the initiative would help control the stray animal population humanely, reducing overpopulation without resorting to culling.

He also insisted on the establishment of an Independent Animal Welfare Board under the Prime Minister's Office, adding that the reform efforts included transforming local animal pounds into no-kill facilities.

"Our local pounds must become places of rehabilitation, rehoming and responsible TNR efforts, rather than sites where animals are euthanised without reason."

"This shift would prioritise the wellbeing of animals, offering them a better chance at a life outside of cages."

He advocated stricter regulations on breeders, proposing that they be required to microchip and neuter animals to prevent overbreeding.

"Euthanasia should only be permitted in cases in which an animal's condition is untreatable, and this should be verified by a licensed veterinarian."

The association urged the government to educate the public on animal welfare, responsible pet ownership, and the importance of neutering and adopting strays.

Kalaivanan called for stricter penalties for cruelty and neglect, urging that existing laws be more consistently enforced to deter abuse.

He also pressed for dedicated government funding to support NGOs in their work of rescuing and rehabilitating stray animals.

"These NGOs are on the frontlines and need resources to continue their efforts. We will continue to fight for justice for all animals and will not stop until our government listens and acts."

On Oct 6 last year, a stray dog named Kopi gained national attention after a 52-second video was widely spread, showing the dog suffering from severe injuries inflicted by a gunshot and dying in Besut.

A resident reported hearing a loud gunshot before discovering the lifeless dog.

The Besut district council defended its actions, asserting that the shooting followed field procedures for controlling stray dog populations.

However, animal welfare advocates condemned the killing, calling for greater enforcement of existing animal welfare laws.

On Saturday, nearly 500 individuals gathered for the Candlelight Gathering for Justice for Kopi and All Stray Animals in Dataran Merdeka, marking the largest gathering for animal law reform in Malaysia.

The event was organised by the Malaysia Animal Welfare Association in collaboration with Persatuan Haiwan Terbiar Malaysia and the Global Human Rights Federation, with support from a coalition of animal NGOs in Malaysia.

THE SUN

Tarikh: .....1.3 JAN. 2025.....